

# SABAH BIODIVERSITY CENTRE

The Official Biannual Newsletter



## HIGHLIGHTS AND ACHIEVEMENTS



**Conservation Insights:**  
"Sg Pin Conservation Area - the Hidden Gem of Kinabatangan"

Page 20-23

**Pelancaran SaBIIS dan iSaBIIS:**  
*Menjejak biodiversiti secara digital*

Page 2

*Menjejak Ilmu Tradisi: Projek Dokumentasi Pengetahuan Tradisi (TK)*

Page 9

**Spreading the Word: SaBC Involvement In CEPA Programmes**

Page 5-8

*Jasamu dikenang*

DR. GERALD JETONY


Page 3

**SCIENTIFIC PARTNERSHIP IN FOCUS: SABC AT ICBANS 2024**

Page 10-11

**DR. STEPHEN SUTTON'S BUTTERFLY CORNER: A TRIBUTE**

Page 19



26 JULAI 2024 | SHANGRI-LA'S TG ARU RESORT, KOTA KINABALU



# MAJLIS PELANCARAN SABAH BIODIVERSITY INTEGRATED INFORMATION SYSTEM (SaBIIS) DAN iSaBIIS

Majlis Perasmian SaBIIS telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah di Shangri-La's Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu pada 26 Julai 2024. SaBIIS adalah suatu sistem pangkalan data yang berkaitan dengan sumber biologi Sabah dan iSaBIIS adalah sebuah aplikasi mudah alih berkonsepkan *citizen science* bertujuan untuk mengumpul data flora dan fauna yang akan dimasukkan ke dalam SaBIIS.

Semasa acara ini, 4 organisasi yang telah memberikan data untuk SaBIIS telah menandatangani Data Consent Agreement dengan SaBC. Agensi tersebut adalah Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Muzium Sabah dan WWF-Malaysia Sabah. Semasa majlis tersebut, Pelan Strategik Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) selama 10 tahun (2022 - 2023) juga telah dilancarkan. Melalui Pelan Strategik ianya akan menjadi rujukan dan panduan untuk pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti di Sabah dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.



## Objektif Program:

1. Mempromosi penggunaan SaBIIS dan iSaBIIS dengan pelancaran sistem ini.
2. Melalui Pelan Strategik yang dihasilkan, diharap dapat menambahbaik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui inisiatif-inisiatif dan sasaran yang telah ditetapkan di Pelan Strategik ini.
3. Melalui kerjasama antara SaBC dan Yayasan Petronas, di harap boleh dilanjutkan lagi dalam sektor ini khususnya menerokai peluang-peluang baru seperti *blue carbon* dan eksplorasi bioteknologi di kawasan lautan.

Semasa majlis tersebut juga satu memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara SaBC dan Yayasan PETRONAS untuk kerjasama pemetaan rumput laut di Sabah

29 JULAI 2024

# Jasamu Dikenang – Dr. Gerald Jetony

Menghargai Sumbangan Dr. Gerald Jetony  
Mantan Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC)  
Bersara pada 29 Julai 2024



Dengan penuh penghargaan, SaBC merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Gerald Jetony atas khidmat bakti, kepimpinan, dan dedikasi beliau selama ini sebagai Pengarah SaBC.

Sebagai sebuah organisasi kecil tetapi penuh dengan cita-cita besar, SaBC amat bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin seperti Dr. Gerald yang sentiasa memotivasikan dan mendorong setiap individu mencapai potensi sebenar mereka. Beliau juga dikenali dengan komitmen tinggi terhadap kehidupan lestari (sustainable livelihood), memastikan keseimbangan antara pemuliharaan biodiversiti dan kesejahteraan masyarakat tempatan.



16 Oktober 2024: Satu jamuan perpisahan secara dalaman telah diadakan di Shangri-La Tanjung Aru, yang dihadiri oleh rakan-rakan sekerja bagi meraikan persaraan Dr. Gerald. Kepimpinan beliau telah meletakkan asas yang kukuh untuk hala tuju SaBC dalam memperkasakan biodiversiti Sabah melalui kerjasama strategik dan inovasi digital.

Selamat bersara, Dr. Gerald.

*Jasamu dikenang, inspirasimu kekal.*

30 JULAI 2024

# Sekalung Tahniah!

**PUAN KEN KARTINA BINTI KHAMIS**

atas lantikan sebagai Pengarah Baharu Pusat Biodiversiti Sabah

## Kenyataan Pengarah

“Dengan penuh rasa rendah hati dan tanggungjawab, saya menerima amanah sebagai Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC). Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengarah, Dr. Gerald Jetony, atas kepimpinan beliau yang cemerlang dan asas kukuh yang telah beliau bina untuk SaBC.

Sabah merupakan antara negeri yang terkaya dengan biodiversiti di dunia. Khazanah semula jadi ini bukan sahaja perlu dipelihara, tetapi juga diurus secara lestari agar manfaatnya dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

Sebagai agensi yang ditubuhkan untuk menyelaras dan memperkukuh pengurusan biodiversiti negeri, SaBC memainkan peranan penting dalam merangka dasar, menyelaras data dan maklumat biodiversiti, serta mempromosi penyelidikan, inovasi dan kesedaran awam berkaitan pemeliharaan biodiversiti di Sabah. SaBC juga berfungsi sebagai pusat sehati bagi maklumat biodiversiti, sekaligus menyokong pembangunan lestari berasaskan sains. Saya berhasrat untuk memperkukuh lagi peranan SaBC sebagai pusat rujukan biodiversiti negeri yang berwibawa dan diyakini, berdasarkan data saintifik yang mantap serta terbuka kepada kerjasama pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, NGO, komuniti setempat, institusi penyelidikan dan sektor swasta.

Dengan tekad dan iltizam yang tinggi, saya bersama seluruh warga SaBC akan terus berusaha gigih untuk memastikan biodiversiti kita kekal sebagai warisan yang akan kita pelihara bersama. *Our Biodiversity, Our Heritage, Our Responsibility.*”




# Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam [CEPA]: PAMERAN DAN TAKLIMAT

**9 Ogos 2024**

***Dalam Talian: Sesi Taklimat Peranan Rakansaing Tempatan dan Lesen Penyelidikan Pusat Biodiversiti Sabah***

Satu sesi taklimat telah diadakan secara dalam talian khusus untuk warga Taman-Taman Sabah (TTS). Taklimat ini merupakan inisiatif TTS sebagai usaha memperkukuh kefahaman berkaitan garis panduan dan prosedur pelaksanaan penyelidikan biodiversiti di Sabah. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Pn. Alessandra dan Pn. Nur Aizat dari Unit Pelesenan SaBC, yang turut menjelaskan tanggungjawab penyelidik serta kepentingan pematuhan terhadap garis panduan sedia ada. Sesi ini telah menerima sambutan yang baik daripada warga TTS dan berjaya mencapai objektifnya.



**9 - 10 Oktober 2024**

***Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC Malaysia***

Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) telah menyertai International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2024) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Penyertaan ini adalah di bawah reruai Negeri Sabah, yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama enam (6) lagi jabatan dan agensi negeri. Dalam pameran tahun ini, SaBC memfokuskan kepada promosi pelaksanaan Akses dan Perkongsian Faedah (Access and Benefit Sharing) di Sabah serta pengenalan kepada dokumen strategik Sabah Biotechnology Action Blueprint 2024–2034 kepada pengunjung dan rakan industri. SaBC telah diwakili oleh Pn. Razia, Pn. Norfarah, dan Pn. Nur Zaahrah.



Sebagai satu pencapaian membanggakan, pasukan pempamer Negeri Sabah telah dianugerahkan IGEM Best Booth Award bagi kategori "Best Appreciation Award". Anugerah ini disampaikan semasa resepsi pempamer yang berlangsung pada 9 Oktober 2024, bertempat di Innovation Stage, Hall 2, KLCC. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan Negeri Sabah dalam memperkukuh agenda kelestarian, inovasi bioteknologi dan pemuliharaan biodiversiti di peringkat nasional dan antarabangsa.




# Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam [CEPA]: PAMERAN DAN TAKLIMAT

**8-9 November 2024: Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)**

SaBC berpeluang mengadakan pameran selama dua (2) hari bersempena dengan Karnival Sains, Teknologi dan inovasi (STI) Madani 2024. Karnival ini adalah anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Karnival ini merupakan salah satu inisiatif memperkasakan pembelajaran STEM di Sabah dan Labuan sebagai salah satu pengisian Program Minggu Sains Negara (MSN) 2024. Majlis ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal.

**12 - 14 November 2024: Taman Bukit Tawau**


SaBC telah menyertai Program Renjer Muda Taman-Taman Sabah: Pemuliharaan Hutan (Penyelidikan Cendawan Borneo). Semasa program berlangsung, SaBC telah mengadakan sesi taklimat interaktif selama sejam dengan tajuk 'Apa itu Akses dan Perkongsian Faedah (ABS)?'. Objektif sesi taklimat interaktif ini adalah untuk meninjau sejauh mana pengetahuan dan kesedaran peserta berkenaan biodiversiti dan pelaksanaan ABS di Sabah. Taklimat juga disampaikan bagi memberikan maklumat dan pemahaman peserta berkenaan dengan biodiversiti dan pelaksanaan ABS di Sabah. Baca lebih lanjut di halaman 8.



**16 November 2024: International Technology and Commercial Centre (ITCC), Penampang**

Satu Seminar Pemerksaan Komuniti Budaya Melalui Protokol Budaya Komuniti telah diadakan sempena Perayaan Hari Etnik Sabah 4.0 2024 yang dianjurkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Selain terlibat dalam pameran berkenaan Akses dan

Perkongsian Faedah (ABS), SaBC juga terlibat dalam sesi perkongsian dan soal jawab panel. Sesi perkongsian yang bertajuk Perlindungan Sumber Biologi, Pengetahuan Tradisi Termasuk Hak Anak Negeri dan Komuniti Tempatan Melalui Pelaksanaan Protokol Komuniti Biobudaya telah disampaikan oleh Puan Alessandra Markos.



## SEMINAR PEMERKASAAN KOMUNITI BUDAYA MELALUI PROTOKOL BUDAYA KOMUNITI



Pusat Biodiversiti Sabah telah menganjurkan Seminar Pemerksaan Komuniti Budaya untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai Protokol Budaya Komuniti yang dibangunkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS).

Dalam seminar ini, Puan Alessandra dari SaBC telah mengendalikan sesi perkongsian bertajuk 'Perlindungan Sumber Biologi, Pengetahuan Tradisi termasuk Hak Anak Negeri dan Komuniti Tempatan Sabah' melalui pelaksanaan Protokol Komuniti Biobudaya'.

Sepanjang seminar berlangsung, SaBC turut mengadakan pameran yang memaparkan maklumat mengenai biodiversiti Sabah dan usaha pemuliharaan. Pameran ini mendapat sambutan yang amat baik, dengan lebih daripada 40 orang pengunjung mengisi buku pelawat. Sambutan yang menggalakkan ini mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat tentang kepentingan melindungi warisan biodiversiti kita.



**PROGRAM****RENJER MUDA TAMAN TAMAN SABAH:  
PEMULIHARA HUTAN (PENYELIDIK CENDAWAN BORNEO) SEMPENA HARI  
CENDAWAN SEDUNIA 2024****SELASA - KHAMIS****12 - 14 NOVEMBER 2024****INSTITUSI PENGANJUR:  
TAMAN-TAMAN SABAH DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH**

Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) telah mengambil bahagian dalam Program Renjer Muda Taman-Taman Sabah, sebagai inisiatif untuk memupuk kesedaran dan pengetahuan mengenai biodiversiti dalam kalangan generasi muda.

SaBC telah mengadakan sesi taklimat interaktif bertajuk 'Apa Itu Akses dan Perkongsian Faedah (ABS)?'. Taklimat ini juga bertujuan untuk meninjau sejauh mana pengetahuan dan kesedaran peserta di samping memberikan maklumat dan pemahaman berkenaan biodiversiti dan pelaksanaan ABS di Sabah.

**AKTIVITI NATURE WALK**

Sepanjang program ini, Pusat Biodiversiti Sabah juga berpeluang untuk melihat dan mencari cendawan melalui aktiviti Nature Walk di denai. Para pelajar (dengan bantuan fasilitator) secara berkumpulan telah mengutip cendawan untuk menghasilkan terrarium mini cendawan. Pusat Biodiversiti Sabah telah menjadi penilai bagi terrarium mini yang paling kreatif



Sepanjang sesi taklimat & nature walk

29 SEPTEMBER 2024 | UNIT: PEMELIHARAAN KOMUNITI / TK

# KONSULTASI DAN TAKLIMAT

PENGENALAN KEPADA PROJEK DOKUMENTASI PENGETAHUAN TRADISI DI SABAH OLEH PUSAT BIODIVERSITI SABAH



KAMPUNG SINTUONG - TUONG TAMBUNAN.



Pada 29 September 2024, SaBC telah mengadakan satu program konsultasi dan taklimat bertempat di Kg. Sintuong-Tuong, Tambunan. Program ini merupakan inisiatif penting di bawah unit Pemeliharaan Komuniti untuk memberi pendedahan kepada komuniti setempat tentang Projek Dokumentasi Pengetahuan Tradisi (TK) yang bakal dijalankan.

## Objektif Program:

1. Memberi pendedahan kepada komuniti tentang Projek Dokumentasi Pengetahuan Tradisi di Sabah.
2. Memberikan gambaran jelas mengenai tatacara dan aktiviti dokumentasi yang akan dilaksanakan oleh Pusat Biodiversiti Sabah.
3. Menyampaikan taklimat berkenaan Akses dan Perkongsian Faedah kepada

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON BIODIVERSITY, AGROFORESTRY, NON WOOD FOREST PRODUCTS AND SUSTAINABLE LIVELIHOOD (ICBANS 2024)

18 - 19 OCTOBER 2024 | HILTON HOTEL, KOTA KINABALU

SABAH BIODIVERSITY CENTRE ACTED AS SCIENTIFIC PARTNER FOR ICBANS 2024, WHICH WAS ORGANIZED BY V SIVARAM RESEARCH FOUNDATION WITH OTHER COLLABORATING PARTNERS: INDIAN SOCIETY OF AGROFORESTRY, JHANSI, INDIA WITH A LEADING INTERNATIONAL RESEARCH AGENCY, CIFOR-ICRA.



## OBJECTIVES:

ICBANS 2024 brought together experts from around the world to share knowledge and experiences in sustainable forest management, agroforestry, and biodiversity conservation. The conference served as a platform to introduce and promote innovation in practices and emerging technologies that support sustainable forest and agroforestry development. It also addressed current challenges and solutions in the field of biodiversity and natural resource conservation, aiming to raise global awareness and inspire collective action. By engaging researchers, practitioners, and policymakers from diverse backgrounds, the conference fostered cross-sector collaboration and strengthened networks to advance sustainable development goals.




## AMONG THE PAPERS PRESENTED IN THE SCIENTIFIC SESSIONS DURING THE CONFERENCE:

1. Agrobiodiversity for Life Security and Environmental Sustainability
2. Agrobiodiversity for Sustainable Development Goals (SDGs)
3. Agrobiodiversity in Mountain Environments and Resilience
4. Agroforestry and Climate Change
5. Utilization and Conservation of Biodiversity
6. Ecological Restoration and Forest Resilience
7. Economic Entomology and Plant-Pollinator Relationships
8. Harnessing Biodiversity for Food Security and Sustainable Development
9. Intellectual Property Rights (IPRs), Access and Benefit Sharing (ABS), and Farmers' Rights
10. Market Linkages for Agri-Food Systems and Policy Scenarios
11. Non-Timber Forest Products (NTFPs)
12. Plant Diseases and Integrated Plant Health Management



The conference was officiated by **YB Datuk Abidin Madingkir** Assistant Minister to the Chief Minister of Sabah, on behalf of the Chief Minister



Two agencies from Sabah, namely Sabah Forestry Department and Sabah Wildlife Department, presented research papers at the conference. The majority of other presentations were contributed by participants from India, Pakistan, Cameroon, the Philippines, and Indonesia. Although SaBC did not present a paper at the conference, we actively contributed by presenting a poster entitled "Sustainable Utilization of Sabah Biological Resources through the Implementation of Access and Export License as Stipulated under the Sabah Biodiversity Enactment 2000." This poster was prepared and presented by Ms. Nur Aizat Zaid from SaBC's Licensing Unit.

# “Dispatch from the Desk”



SaBC representative: Puan Siti Darizah Osman & Puan Razia Abdul Rahman

## Development Training Programme 2024 - Biodiversity Dynamics with Descriptive Analytics Course by Akademi Sains Malaysia (ASM)

01 August 2024 - Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM KL)

In this course, participants delve into the dynamic field of biodiversity and learn how to apply descriptive analytics technique to understand and interpret biodiversity data. This course covers the following topics.

1. Setting up biodiversity analytics: Understanding data sources, tools and software;
2. Data preparation: Data cleaning, transformation and integration;
3. Exploratory data analysis: Descriptive statistics and visualization techniques; and
4. Communication result: Data storytelling through visualization

## “Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Technology Innovation Workshop For The Innovation And Technology Accelerator (PINTAR)” by Sabah Economic Development and Investment Authority

07&08 August 2024 - Hilton Hotel, Kota Kinabalu

The purpose of this workshop is to provide the necessary understanding for carrying out commercialization activities. In addition, the workshop as a whole will be beneficial as participants will gain a comprehensive understanding of the value chain within RDICE, learn about evaluation and planning methods, identify opportunities, obstacles, and subsequently learn through experiential-based learning methods.



SaBC representative: Puan Razia Abdul Rahman



## “WIPO Scaled-Up IP Management Clinic in Malaysia: Leveraging IP In Support of Growth and Globalisation of The Food & Beverage and Hospitality Sectors” by Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

21 October 2024 - Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah

The objectives of this program are to:

- Increase awareness of Intellectual Property (IP) Management;
- Empower the food, beverage, and hospitality sectors;
- Support global growth;
- Encourage innovation;
- Enhance entrepreneurial capabilities.

In this program, participants will gain knowledge about the protection, management, and utilization of IP in the food, beverage, and hospitality sectors. Additionally, participants will understand how IP can be used to position their brand in the international market. Furthermore, participants will have the opportunity to interact and build networks with IP experts, entrepreneurs, and key industry players, as well as raise awareness of how IP can enhance product value and provide a competitive edge in their respective sectors.

7 NOVEMBER 2024 | KHAMIS

UNIT: PEMELIHARAAN KOMUNITI/TK

# PROGRAM PENANAMAN POKOK OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN PEJABAT HASIL BUMI DENGAN JABATAN PERHUTANAN SABAH SEMPENA KEMPEN PENANAMAN

## 100 JUTA POKOK DI KAINGARAN TRAIL, HUTAN SIMPAN NULUHON TRUSMADI

### OBJEKTIF:

Program Penghijauan Malaysia melalui Penanaman 100 Juta Pokok bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semulajadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.



Dari kiri: Pn. Vivi, Pn. Amira, dan Pn. Razia dari SaBC telah menanam pokok spesies *Hopea sangal* atau nama tempatannya, iaitu gagil, mewakili Pengarah.



# “Dispatch from the Desk”

## **Bengkel Jawatankuasa Kerja Teras Strategik 1 Hingga 4 Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).**

03 Oktober 2024 - Dorsett Putrajaya Hotel

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengumpulkan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat untuk menyemak dan memperincikan program/projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2024 dan 2025 bagi memastikan pelaksanaan teras strategik tersebut mengikut garis masa yang dirancang. Bengkel ini dihadiri oleh Puan Razia Abdul Rahman sebagai wakil Pusat Biodiversiti Sabah.



SaBC representative: Puan Siti Darizah Osman & Puan Razia Abdul Rahman

## **“NATIONAL SEMINAR ON THE BUDAPEST TREATY” by MyIPO** 09th & 10th September 2024 - Menara MyIPO

The purpose of the seminar is to provide exposure to the Budapest Treaty System, share expertise, experiences, and the latest developments related to microorganism deposit for patent filing in Malaysia. This seminar is held in line with Malaysia’s participation in the Treaty and the amendments to the Patent Act 1983 (Amendment) 2022, the Patent Regulations 1986 (Amendment) 2022, and the Patent Regulations (National Depository Authority) 2022 related to the Budapest Treaty. In conclusion, participants will understand the Budapest Treaty system and the latest developments related to microorganism deposit for patenting in Malaysia, in line with Malaysia’s participation in the Treaty and the amendments to the Patent Act 1983 and related Patent Regulations.

## **“JASPO Working Group Realignment Workshop” by Sabah Jaspo Secretariat**

24th & 25th September 2024 - Le Meridien Kota Kinabalu

This workshop aimed to achieve crucial decisions on strategic approaches that will shape key activities for JASPO to fulfil Step 2 requirements by the end of 2025. The SaBC officers attending are part of the FPIC (Free, Prior and Informed Consent) working group. Hence, the working group will have a clear roadmap and action plan for fulfilling Step 2 requirements by 2025. SaBC’s representative: Puan Razia Abdul Rahman & Puan Vivi Sandra.



## **“SEMINAR: FROM WASTE TO WORTH - Shaping the Future with Circular Economy” by Institute for Development Studies (Sabah)**

11th July 2024 - Hilton Hotel, Kota Kinabalu

The primary objective of this seminar is to provide a comprehensive update on the principal and practices of the Circular Economy with a specific focus on Waste Management within the context of Malaysia, more specifically, Sabah. It emphasizes the urgent need for a shift towards circular waste. Management practices in response to growing environmental issues. The event underscores the significance of waste reduction, resource recovery, and sustainable consumption, illuminating the vital role that Malaysia and Sabah play in global sustainability efforts. The outcome of the program is to enhance understanding of Circular Economy principles and Waste Management practices, specifically in Sabah, Malaysia. It aims to inspire a shift towards sustainable waste management, emphasizing waste reduction, resource recovery and responsible consumption, contributing global sustainability efforts.

23 OCTOBER 2024 | UNIT: PEMELIHARAAN KOMUNITI / TK

# Ocean Thermal Energy Conversion (OTEC) Seminar

Ball Room 1 & 2 Shangri-La's Tanjung Aru Resort & SPA, Kota Kinabalu, Sabah  
Organize by: Invest Sabah Berhad



On 23rd October 2024, the Ocean Thermal Energy Conversion (OTEC) seminar was held at Shangri-La's Tanjung Aru Resort & SPA, Kota Kinabalu. The seminar aimed to introduce OTEC as sustainable energy solution to various stakeholders, including industry leaders, technology experts, and government representatives.

## OCEAN THERMAL ENERGY CONVERSION (OTEC) SEMINAR

### OBJECTIVES:

- i. To introduce OTEC as a sustainable energy solution and its potential
- ii. To share the latest advancements in OTEC technology
- iii. To explore collaboration opportunities between stakeholders





### Program 'Onboarding' Perkhidmatan Awam 2024

Program ini adalah program bagi pegawai lantikan Gred 29 dan 41 yang baharu. Dua (2) pegawai SaBC telah mengikuti program ini dengan jayanya iaitu Puan Razia Abdul Rahman & Puan Nur Zaahrah Karim pada 18-20 Julai 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bertempat di Kiulu Nature Club, Tuaran.



### SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN KERTAS KABINET/KERTAS MAKLUMAN BAGI JABATAN/AGENSI NEGERI DI BAWAH JABATAN KETUA MENTERI

25 Julai 2024 - Bahagian Kabinet dan Dasar, Menara Kinabalu

Tujuan utama sesi ini adalah untuk memberikan pemahaman yang jelas mengenai tujuan penyediaan Kertas Kabinet dan Kertas Makluman, di samping meningkatkan kefahaman peserta tentang tatacara penyediaan dokumen tersebut mengikut garis panduan serta piawaian yang ditetapkan oleh Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri. Sesi ini juga memberi peluang kepada peserta untuk memahami dan mempraktikkan format penulisan yang betul bagi kedua-dua jenis dokumen tersebut. SaBC telah diwakili oleh Puan Razia dan Puan Nur Aizat sebagai peserta sesi tersebut.



### "Sesi Penerangan Berkenaan Projek Dokumentasi Pengetahuan Tradisi yang Berkaitan dengan Sumber Biologi dan Pembangunan Sistem Maklumat serta Pangkalan Data TK

11 Oktober 2024 - Secara Hibrid

Objektif utama sesi ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan dan pemahaman kepada jabatan dan agensi kerajaan berkenaan cadangan projek pendokumentasian Pengetahuan Tradisi serta pembangunan sistem pangkalan data pengetahuan tradisi. Sesi ini telah diselenggarakan oleh Unit Pemuliharaan Komuniti SaBC di mana penerangan telah disampaikan oleh Puan Alessandra Markos.

"Dispatch from the Desk"

28 - 29 NOVEMBER 2024

# TRAINING ON MASTERING INSECT DIGITIZATION AND CLASSIFICATION: AN EXPERT'S GUIDE



Organized by: Academy of Science (ASM) in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia and Universiti Putra Malaysia

The Academy of Science Malaysia (ASM) in collaboration with Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and Universiti Putra Malaysia (UPM) is pioneering a pilot project of the Digitalization and Internet of Things (IoT) Programme for Biodiversity, a visionary project funded by the Ministry of Economy within the 12th Malaysia Plan.

A series of training sessions was organized. During this programme SaBC was involved in the training as participants. The last series of training for 2024 was on Mastering Insect Digitisation and Classification: An Expert's Guide which was attended by the Director of SaBC, Puan Ken Kartina Khamis and Puan Nur Zaahrah Karim. It was organized at UTM Kuala Lumpur.



From left: Nur Zaahrah, Ken Kartina, Razy (from Sabah Forestry Dept.), and Dayang Fazrinah (from Sabah Forestry Dept.)

The module aims to equip participants with a foundational understanding of how digital methods can enhance the study and management of insect biodiversity using artificial intelligence (AI).

# BOARD BRIEF



## Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan Tahun 2024

18 - 20 Julai 2024 - Hotel Zenith, Putrajaya

Objektif persidangan ini adalah untuk:

1. Membincangkan isu dan cabaran serta strategi pengurusan kepelbagaian biologi negara;
2. Membincangkan serta melaporkan status dan pencapaian negara dalam pengurusan kepelbagaian biologi;
3. Mengetengahkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan biodiversiti dan amalan terbaik pengurusan kepelbagaian biologi negara;
4. Mengukuhkan jaringan kerjasama dan sinergi dalam memulihara kepelbagaian biologi, menggalakkan penggunaannya secara mapan dan perkongsian faedahnya secara adil dan saksama; dan
5. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kepelbagaian biologi negara.



Pada persidangan tersebut, Puan Razia telah mewakili SaBC untuk membentangkan poster bertajuk "Pelaksanaan ABS di Sabah".

## SABAH INTERNATIONAL BLUE ECONOMY CONFERENCE (SIBEC) 2024

19th & 20th October 2024 - SICC

Penganjuran SIBEC 2024 adalah bertujuan untuk merintis langkah-langkah strategik yang akan membawa kepada kemajuan Ekonomi Biru, selaras dengan aspirasi dan matlamat Hala Tuju Sabah Maju Jaya sekali gus menjadikan persidangan ini sebagai medan untuk perkongsian pengetahuan, perkongsian teknologi, perancangan inisiatif dan pelan tindakan seterusnya menarik pelabur dan pemain industri dari dalam atau luar negara yang berkait dalam Ekonomi Biru. Seramai dua (2) orang pegawai SaBC terlibat sama sebagai *rapporteur* semasa persidangan tersebut berlangsung. SIBEC 2024 akan menghasilkan langkah-langkah strategik untuk kemajuan Ekonomi Biru, memperkukuh perkongsian pengetahuan dan teknologi, merancang inisiatif dan pelan tindakan, serta menarik pelabur dan pemain industri dalam dan luar negara untuk menyokong Ekonomi Biru.



## Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA 24) Peringkat Universiti Malaysia Sabah 2024

16/10/2024 - SFERA, UMS: Sambutan HHA 24 yang dianjurkan oleh Fakulti Perhutanan Tropika, UMS bertemakan "Hutan dan Inovasi" menekankan hubungan penting antara kelestarian hutan dan peranan inovasi dalam pengurusan, pemeliharaan dan juga pemuliharaan hutan.



## Puan Siti Darizah Osman sebagai wakil SaBC dalam program sambutan Hari Sungai Sedunia

## Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Wilayah Sabah anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah

26 September 2024 - Taman Bandukan Riverside Resort, Keningau

Objektif program:-

1. Meningkatkan Kesedaran Awam;
2. Menggalakkan Tindakan Komuniti;
3. Memperkuat Kerjasama;
4. Menyokong Pembangunan Lestari;
5. Pendidikan dan Kesedaran Generasi Muda.


13 OKTOBER 2024 |

# REMEMBERING DR. STEPHEN SUTTON...

## Butterfly Corner



SaBC's Director, Ms. Ken Kartina attended the launching of the Dr. Stephen Sutton's Butterfly Corner at Kokol Haven Resort. The Kokol Haven Resort dedicated this lovely corner in Kokol Haven in honour and in memory of the late Dr. Sutton's devotion and dedication to the pursuit of Lepidopterology and ultimately the declaration of the Sabah State Butterfly - Kinabalu Birdwing (*Troides andromache*). This was Dr Sutton's favourite corner to observe butterflies and moths whenever he stayed in Kokol.



# Conservation Insights:

## "Sg Pin Conservation Area - the hidden gem of Kinabatangan"

Contributed by Rashidah Maqbool, Conservation & Biodiversity Unit, Sawit Kinabalu Group




Figure 1: Location of Sungai Pin Conservation Area in northeast Sabah

## KINABATANGAN -

A name synonymous with the exciting wonders of nature, the area is a sanctuary for many of Sabah's endangered flora and fauna and is home to the Sungai Pin Conservation Area (SPnCA). Managed by the Conservation and Biodiversity Unit (CBU) of Sawit Kinabalu Group (SKG), SPnCA is a voluntarily set-aside area within the critical habitat of the Kinabatangan landscape with an area of 2,632 ha. It plays a vital role in the ecological network of the Kinabatangan floodplain, conserving biodiversity while supporting the sustainable use of natural resources (Figure 1).

**Ever since 2003, SKG has been instrumental in undertaking conservation activities at SPnCA,**

contributing not only to the recovery of the site to what it is today but also to the overall protection of critical biodiversity in the Kinabatangan Landscape.

The Memorandum of Understanding (MoU) signed in 2017 with the Sabah Forestry Department (SFD) for the establishment of SPnCA marked the beginning of a more comprehensive and robust conservation efforts at the site. A key outcome of this partnership was the multi-disciplinary scientific expedition conducted in 2019, in collaboration with the Forest Research Centre (FRC) of SFD. The expedition uncovered previously unrecorded species of flora and fauna in SPnCA, providing essential data that has been instrumental for Sawit Kinabalu Group (SKG) in formulating effective management strategies for the long-term stewardship of the conservation area.



Figure 2: Orang Utan bridges installation

## THE EXPEDITION REVEALED A REMARKABLY HIGH SPECIES DIVERSITY,

particularly considering the site's size and habitat conditions. A summary of the expedition's findings is presented in the table below:

### MAMMALS



- No. of species recorded** : 21
- Bornean Endemics** :
  - Bornean orangutan,
  - Bornean gibbon, and
  - least pygmy quirrel
- IUCN Status** : 2 species listed as Critically Endangered, 1 Endangered, five (5) were listed as Vulnerable and eight (8) species were placed under the Least Concern Category

### INSECTS

- No. of species recorded** : 85 species of nocturnal insects
- Bornean Endemics** : 5 Bornean endemic species of beetles and moths.

### BIRDS

- No. of species recorded** : 104 (28 bird species were listed as "protected animals" under the Sabah Wildlife Conservation Enactment 1997)
- Bornean Endemics** : 2 species recorded
- IUCN Status** : 8 species were treated as threatened species, namely the Storm's stork, White-crowned hornbill, Wrinkled hornbill, Black hornbill, Javan myna, Large green pigeon, Wallace's hawk-eagle, and Wreathed hornbill.



### VASCULAR PLANTS

- No. of species recorded** : 521 taxa from 95 families
- Bornean Endemics** : Of the 521 taxa that have been recorded, 99 taxa are endemic to Borneo, including 12 taxa endemic to Sabah.

**Table 1: Summary of the multi-disciplinary expedition conducted in 2019**

A notable major milestone from the scientific expedition was also the development of the Sungai Pin Conservation Area (SPnCA) – 10-Year Conservation Area Management Plan (CAMP), the first document of its kind jointly developed by SFD and SKG (Figure 3).

Figure 3: SKG former Group Managing Director (GMD), Datuk Bacho Jansie (R) with Datuk Frederick Kugan, Chief Conservator of Forests (CCF) (L) of the Sabah Forestry Department (SFD), witnessed in the middle by Mr. Hj Fadzil Yahya (former Deputy Chief Conservator of Forests) of the Sabah Forestry Department during the signing and handing over ceremony of the Sg Pin Conservation Area-Conservation Area Management Plan in March 2021.



Figure 3

Apart from that, one significant contribution of SPnCA is for the Bornean Orangutan survival. In 2019, two (2) Orangutan Bridges were installed from the 21st to 23rd October 2019 at Sg Pin to restore connectivity in the SPnCA (Figure 2) in collaboration with PONGO Alliance. The installation's aim is to create and secure safe passage for orangutans between forest fragments throughout the protected and privately administered landscapes. It is also to restore connectivity across tributaries where it was previously lost and to enable orangutan movement, especially for the male orangutans which are migrating between forests where females and offspring live (Figure 5). A third bridge was recently installed on 20th June 2024 in collaboration with HUTAN with the aim to create more safe passage for the wild orangutan.



Figure 4: Program Poster




Figure 5: Snapshot of an adult flanged male Orang Utan using the 2nd Orang Utan bridge in SPnCA. Watch more on Youtube:



Link: <https://www.youtube.com/watch?v=SP7RT97ycHw>

Contributed by Rashidah Maqbool, Conservation & Biodiversity Unit, Sawit Kinabalu Group

With a management focus on the protection and conservation of biodiversity, SPnCA is poised to become a critical link for plant species dispersal and wildlife foraging and migration across Kinabatangan's fragmented forest landscape. By creating connectivity among the various forest reserves, SPnCA will offer more habitats and corridors for wildlife, enhancing ecological balance at the landscape level.

The voluntary conservation efforts by Sawit Kinabalu Group are commendable and contribute significantly to Malaysia's commitment to Target 6 of the National Policy on Biological Diversity. At a landscape level, SPnCA plays a vital role within the ecological network of the Kinabatangan floodplain, helping to conserve biodiversity while promoting the sustainable use of natural resources.

The Sg Pin Conservation Area (SPnCA) plays a pivotal role in fostering ecological connectivity. It facilitates the movement of:

- Biotic processes such as animal migration, plant propagation, and genetic exchange, which are essential for sustaining biodiversity.
- Abiotic processes like the flow of water, energy, and materials, ensuring the smooth functioning of ecosystems.
- These interconnected processes are fundamental to maintaining ecosystem health, whether focused on individual species or broader ecological functions, making SPnCA a cornerstone of environmental conservation (Figure 5).



*Figure 6: Stunning dawn aerial view of Bukit Mansuli (a virgin jungle at SPnCA) covered in fog from Kg Batu Putih view*



Looking ahead, SKG is actively working towards getting SPnCA recognized under the International Union for Conservation of Nature (IUCN) Green List (GL) of Protected and Conserved Areas with the site currently at the candidate stage for this prestigious global recognition. This prestigious recognition would also strengthen SPnCA's protection status and testify to SKG's commitment to responsible palm oil production

**For more details about Sg Pin Conservation Area,  
Contact SKG at: ConserveByU**




Contributed by Rashidah Maqbool, Conservation & Biodiversity Unit, Sawit Kinabalu Group

# Infographic on Access and Export Licence Issuance Report



Access and Export Licence Application for JKAE Series 3/2024 and 4/2024 (July-December 2024)

Licence Application 2024 Categorized by Nationality



New Access Licence Application Trend for 2019-2024

- ### Total No. of Papers Received
1. Distribution of Macrofungi in Kadamaian, Kota Belud, Sabah, Malaysia.
  2. A taxonomic review of *Odontogryllodes Chopard, 1969 (Gryllidae: Landrevinae)*
  3. An account on the *Phaneropterinae (Tettigoniodea: Tettigoniidae)* from the highlands of western Sabah.
  4. Assessing Borneo's tropical forests and plantations: a multi-sensor remote sensing and geospatial MCDA approach to environmental sustainability.
  5. Mapping of Temporally Dynamic Tropical Forest and Plantations Canopy Height in Borneo Utilizing TanDEM-X InSAR and Multi-sensor Remote Sensing Data.

### ANNOUNCEMENT

Please be informed that the current online access and export licence application system **sabcapps.sabah.gov.my** is currently being redeveloped. Therefore, please submit your applications manually by emailing the access/export licence application forms (with supporting documents) to **sabc.licence@gmail.com** until further notice. You may download the manual forms by scanning the QR code besides.

### NOTICE!

Licence Fee (Access & Export) is imposed to all Local & International Researchers

## ANNOUNCEMENT

ONLINE APPLICATION SYSTEM DOWN:  
MANUAL SUBMISSION FOR ACCESS/EXPORT LICENCE SERIES 2025

Please be informed that the current online access and export licence application system **sabcapps.sabah.gov.my** is currently being redeveloped. Therefore, **please submit your applications manually**, by emailing the access/export licence application forms (with supporting documents) to **[sabc.licence@gmail.com](mailto:sabc.licence@gmail.com)** until further notice.


You may access the manual forms by scanning the QR code below:



SABAH BIODIVERSITY CENTRE



# Shoutout to our interns!

For their dedication, hard work, and valuable contributions that have greatly supported SaBC's mission and projects!



**BATCH 1/2024:**  
ARTHUR, EILYA, INTAN,  
MAXS, SHAFIQ, SYASYA

**BATCH 2/2024:**  
ELANIE, RAHMAT,  
SYAZWAN, SYAHIRAH



# Editorial Team

**KEN KARTINA KHAMIS (EXECUTIVE EDITOR)**  
**NORFARAH SYAQIRAH LASRI (CHIEF EDITOR)**  
**NUR AIZAT BINTI ZAID (FINAL EDITOR)**  
**ALESSANDRA MARKOS (SECTION CONTRIBUTOR)**  
**VIVI SANDRA VICTOR (SECTION CONTRIBUTOR)**  
**NOR AMIRA NORDIN (SECTION CONTRIBUTOR)**  
**SITI NUR SYAHIRAH NASARUDIN (SECTION ASSISTANT)**  
**RASHIDAH MAQBOOL (GUEST CONTRIBUTOR)**

Wish to contribute? Contact us:

[sabc.offnewsletter@gmail.com](mailto:sabc.offnewsletter@gmail.com)



@sabahbiodiversitycentre